

# LITERASI MEDIA: MELAHIRKAN PENGGUNA MEDIA BERPENGETAHUAN

MUS CHAIRIL SAMANI, JAMILAH MALIKI & NORAZIMAH ABD RASHID

---

## ABSTRACT

### MEDIA LITERACY: CREATING INFORMED MEDIA USERS

Members of society are exposed to various types of mass media, including print, electronic and digital. The various types of media construct prevailing reality and the constructed reality is presented to media users. A study to understand media literacy among secondary school children who are users of media was carried out. The study uses Potter (2004) model for media literacy which stresses on knowledge structure, personal locus, competencies and skills, and information processing tools. A focus group study was carried out with 20 form four secondary schools students from four schools in Selangor and Kuala Lumpur as informants. The findings suggest that students living in the urban areas have better understanding on media literacy as compared to their counterparts living in rural areas. This can be attributed to disparate background of families, environment, living standards, and social status. Although this maybe the case, students in rural areas have the opportunity to improve their media literacy level if they are given formal training on how to use the media.

*Keywords: media literacy, mass media, student, media education and curriculum*

## PENGENALAN

Media massa memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan seharian kita pada hari ini sehingga setiap orang tidak mungkin dapat mengasingkan diri daripada pengaruhnya, sama ada melalui media cetak mahupun media elektronik. Ia merupakan suatu keperluan sebagai alat untuk mendapatkan maklumat berkaitan isu semasa, sukan, pendidikan, kesihatan, dan hiburan untuk semua. Media dalam kehidupan moden kini menjadi amat pantas hasil perkembangan sains dan teknologi. Di samping itu, ia juga menjadi kompleks serta menimbulkan pelbagai

masalah sosial, moral, politik dan ekonomi. Apa-apa sahaja yang dihasilkan melalui media ialah komunikasi massa. Antaranya termasuklah akhbar, majalah, radio, televisyen, filem, pita rakam, piring hitam, buku dan sebagainya. Semua jenis komunikasi melalui media begini memungkinkan penyebaran maklumat yang sama dengan meluas kepada penerima yang ramai dan berselerak di merata-rata tempat (Mansor, 1984: 51).

Harold Lasswell (1948) menyatakan bahawa media menyediakan pengawasan keadaan sekeliling, korelasi komponen masyarakat berhubung dengan keadaan sekeliling, dan pancaran warisan sosial. Media bertindak mengawal masyarakat, membentuk masyarakat, membantu masyarakat memahami dunia di sekeliling mereka dan bertindak sebagai penggerak sosialisasi. Media dijangka melahirkan rasa muhibah dan pola pemikiran bagi menyediakan model kehidupan (Astrid, 1987).

Walaupun dikatakan media massa dapat memberikan informasi dengan pantas namun pengaruh dan kesannya ke atas masyarakat amat dikhuatiri dan menjadi satu kegelisahan kepada orang ramai. Perkara ini telah membangkitkan banyak tuduhan yang mengatakan media massa telah menyalurkan dan menggantikan dan kegiatan kemasyarakatan dengan cita rasa dan kegiatan yang asing kepada sesebuah masyarakat itu. Yang menjadi kebimbangan dan kegelisahan masyarakat apabila media massa mungkin boleh menjadi alat yang amat berpengaruh dan berkesan dalam usaha penyebaran propaganda (Bagidikian, 1997). Media massa berkemungkinan untuk menggunakan kedudukan mereka untuk mengeksploitasi masyarakat supaya mempercayai atau melakukan sesuatu mengikut kehendak mereka. Seseorang orang pula berpendapat bahawa pengusaha-pengusaha media massa boleh menggunakan media untuk mengawal masyarakat tanpa menggunakan kekerasan, tetapi hanya dengan menggunakan propaganda dan pemujukan. Semakin ramai orang bergantung kepada media yang dipegang mereka sebagai sumber maklumat, maka semakin bertambah pula kekuasaan mereka untuk mengawal masyarakat.

Dikhuatiri juga bahawa komunikasi massa mungkin dapat merosakkan cita rasa kesenian dan kebudayaan sesuatu masyarakat. Sekarang ini terdapat tuduhan-tuduhan yang mengatakan media massa telah memupuk aspek-aspek kesenian dan kebudayaan yang tidak selari dengan aspirasi masyarakat, cita rasa dan tradisi masyarakat. Oleh yang demikian apa yang perlu dilakukan, terutamanya di negara-negara sedang membangun, ialah langkah-langkah mengadakan sekatan dan tapisan ke atas media massa yang dianggap tidak sesuai untuk masyarakat itu. Sekatan dan tapisan ini dilakukan terutamanya ke atas media massa yang datangnya dari negara-negara asing. Media massa sama ada media cetak, elektronik dan digital haruslah mendasari kegiatan mereka berpandukan falsafah, matlamat serta dasar yang baik dan sesuai pula dengan keperluan masyarakat. Tidak dapat dinafikan dunia media mempunyai batasan-batasan tertentu akibat faktor politik, hukum sosial dan moral. Di sinilah kita semua harus menyedari batas-batas tersebut supaya kita tidak menyalahgunakan media massa untuk mencapai satu-satu tujuan tertentu yang bertentangan dengan cita-cita negara.

Literasi media merupakan perspektif di mana kita didedahkan dan mendedahkan diri kita kepada mesej-mesej yang diperolehi (lihat Babbie, 2001; Baron, t.t.; Baran, 2002; 2004). Kita membina perspektif daripada struktur

pengetahuan. Isu ini sudah lama diperkatakan, namun ia tidak akan habis dan selesai kerana literasi media dalam kalangan masyarakat di kebanyakan negara di dunia dikatakan masih berada pada tahap yang rendah.

Adakah dengan mempunyai teknologi yang canggih dan dikatakan segala maklumat dan informasi boleh diperoleh hanya di hujung jari kita boleh dikategorikan sebagai seseorang yang celik media? Adakah seseorang yang mempunyai pendidikan dan memperoleh pelbagai maklumat sudah boleh dianggap sebagai seorang yang literasi media? Apakah faktor yang diperlukan untuk menjadi lebih literasi media, iaitu pandai menggunakan saluran media dan tahu membezakan maklumat yang positif dan negatif? Maklumat ini juga penting untuk menjadikan kehidupan kita lebih baik daripada semasa ke semasa. Walaupun, mesej dan informasi boleh didapati daripada radio, televisyen, surat khabar, majalah, buku, Internet dan pelbagai lagi, tidak kesemua informasi dan mesej media itu dapat dijadikan sebagai pengetahuan. Ini kerana cara seseorang menginterpretasikan mesej media adalah berbeza daripada seseorang yang lain.

Namun kini isu mengenai tahap literasi media dalam kalangan masyarakat mula mendapat perhatian ramai mungkin disebabkan oleh salah satunya ialah limpahan maklumat yang terlalu banyak dan kemasukan teknologi canggih. Kemajuan yang berlaku tidak dapat dihalang di dalam kehidupan seharian sekiranya kita ingin terus maju ke hadapan, setanding dan bersaing dengan negara-negara lain di dunia.

Kajian literasi media ini dirasakan amat penting dilakukan kerana kajian lepas kebanyakannya dilakukan di luar negara (lihat Livingstone, 2004; Mihailidis 2006). Penggunaan media yang semakin hari semakin canggih sebenarnya merisaukan banyak pihak kerana apa-apa yang disogokkan melalui kandungan media tidak semuanya positif, malah terlalu banyak yang negatif. Kajian ini dibuat untuk mengukur tahap literasi media dalam kalangan pelajar sekolah menengah, khususnya pelajar tingkatan empat di beberapa buah sekolah. Kajian ini juga ingin melihat sama ada pelajar-pelajar sekolah menengah ini mempunyai pendedahan media yang luas atau sebaliknya. Literasi media atau celik media seharusnya ada dalam setiap diri seseorang kerana boleh dikatakan hampir keseluruhan kehidupan kita berkait dengan media dan kita dapat menghindarkan diri daripadanya. Maklumat ada di mana-mana sahaja dan boleh diperoleh menerusi media massa sama ada media cetak mahupun media elektronik. Melalui pelbagai medium juga maklumat boleh diperoleh; bermula daripada buku pada zaman dahulu hinggalah kepada Internet pada masa kini.

Semakin hari semakin agresif media ini menyampai dan memberikan maklumat bagi menarik perhatian masyarakat sehingga menyebabkan timbul masalah maklumat yang hendak diperoleh, bagi mengekalkan maklumat, malah ada juga yang cuba mengelakkannya. Namun pendedahan akan terus berlaku walaupun kita cuba mengelakkannya kerana media akan sentiasa mencari peluang untuk menarik perhatian masyarakat. Kita tidak boleh menghindarkan diri daripada mesej media kecuali secara fizikal kita mengeluarkan diri daripada kehidupan budaya kita sendiri. Persoalannya di sini bukanlah bagaimana untuk mendapatkan maklumat, tetapi sejauh mana pelajar-pelajar sekolah menengah cekap menggunakan media? Bagaimanakah mereka mengkonstruksi kandungan media yang diperoleh? Bagaimana mereka didedahkan dan mendedahkan diri mereka kepada dunia media dan dunia realiti dan seterusnya mentafsir mesej media yang diperoleh agar boleh

dijadikan sebagai panduan dan ilmu pengetahuan di dalam kehidupan? Persoalan-persoalan ini menjadi permasalahan dalam makalah ini.

## KAEDAH KAJIAN

Untuk penyelidikan ini, penyelidik memilih salah satu metode kajian kualitatif, iaitu perbincangan kumpulan fokus. Kajian literasi media ini bertujuan untuk memahami tahap literasi media dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Tahap literasi diukur berdasarkan penggunaan media dalam kalangan responden dari pelbagai sudut seperti pendedahan, pentafsiran, pengkonstrukturan, kepuasan, tempoh penggunaan, faedah yang diperoleh dan sebagainya. Justeru, kajian ini menggunakan sampel dari dua latar tempat tinggal dan persekolahan, iaitu sekolah di dalam bandar dan luar bandar. Seramai 20 orang informan masing-masing 10 orang dari Kuala Lumpur dan Selangor belajar di sekolah dalam bandar dan seramai 20 lagi di sekolah luar bandar. Pelajar yang terbabit terdiri daripada pelajar tingkatan empat.

Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini merupakan Model Literasi Media yang berbeza daripada model umum. Model literasi media oleh Potter (2004) memerlukan kesedaran yang lebih dalam memproses informasi dan persediaan kepada pendedahan daripada apa-apa yang terdapat dalam model umum. Model ini menekankan empat faktor utama. Pada tahap asas, ia melibatkan struktur pengetahuan (*knowledge structure*), iaitu sebagai faktor pertama. Faktor ini memberikan informasi ke dalam faktor kedua, iaitu kepentingan peribadi (*personal locus*) yang melibatkan keputusan dimotivasikan. Faktor ketiga ialah kebolehan dan kemahiran (*competencies and skills*) yang merupakan alat memproses informasi manakala faktor keempat ialah tugas memproses saluran informasi.

Teori literasi media terkurung dalam model yang terdiri daripada empat faktor utama: struktur pengetahuan, kepentingan peribadi, kebolehan dan kemahiran dan tugas aliran memproses informasi. Setiap faktor tersebut bekerja secara interaktif di dalam sistem. Tema utama dalam teori literasi media ialah proses informasi boleh mengambil tempat sama ada secara sedar ataupun tanpa sedar. Dengan proses sedar, individu akan berhati-hati akan tujuan, melatih untuk berhati-hati dengan pemilihan informasi dan mampu untuk berusaha secara relatif dengan kawalan yang tinggi terhadap proses yang mempengaruhi. Dalam proses tanpa sedar, individu tidak mampu untuk mempraktikkan mana-mana kawalan terhadap proses yang mempengaruhi. Literasi media mempengaruhi individu untuk memperuntukkan masa dan usaha yang lebih dengan pemprosesan secara sedar.

Dalam konteks ini, kajian ini bertujuan untuk meninjau dan menganalisis perkara-perkara berikut:

- Tahap pendedahan media dalam kalangan informan kajian.
- Tahap pengkonstrukturan kandungan media dalam kalangan informan kajian.
- Tahap pentafsiran kandungan media dalam kalangan informan kajian.
- Tahap literasi media dalam kalangan informan kajian.

## ANALISIS KAJIAN

Bahagian ini membincangkan analisis yang dilakukan terhadap temu bual yang dijalankan dalam kumpulan fokus. Bahagian pertama membincangkan pola penggunaan pelbagai jenis media massa seperti televisyen, radio, akhbar, majalah dan Internet. Bahagian kedua meneliti tahap pendedahan media, tahap pengkonstrukturan kandungan media, tahap pentafsiran kandungan media dan tahap literasi media. Hasil kajian yang dipersembahkan juga adalah melalui ungkapan-ungkapan informan semasa kumpulan fokus dijalankan. Analisis pula dilakukan berdasarkan pandangan dan pemahaman pengkaji serta melalui tema dan subtema yang telah dikategorikan.

### *Pola Penggunaan Pelbagai Jenis Media*

**Televisyen.** Berdasarkan dapatan kajian yang berasaskan subtema stesen televisyen yang ditonton kesemua informan daripada keempat-empat kumpulan fokus memilih stesen televisyen swasta berbanding yang dipunyai oleh kerajaan seperti RTM1 dan RTM2. Stesen televisyen swasta yang ditonton oleh informan kebanyakannya adalah Astro, TV3, 8TV dan NTV7. RTM 1 dan RTM2 langsung tidak menjadi pilihan para informan mungkin disebabkan oleh program atau rancangan-rancangan yang disediakan tidak menarik perhatian dan juga minat mereka. Atau sudah menjadi satu trend di mana masyarakat sering menganggap bahawa stesen televisyen yang dimiliki oleh kerajaan tidak setanding dengan stesen-stesen swasta dalam memenuhi kehendak mereka.

Dari segi jumlah jam penontonan televisyen ramai antara informan yang menonton lebih daripada satu jam dalam sehari dan hanya seorang sahaja yang menonton televisyen kurang daripada satu jam dan selebihnya tidak menentu. Rancangan televisyen yang ditonton oleh informan kebanyakannya lebih cenderung kepada hiburan dan beberapa orang sahaja yang menonton berita, sukan, dokumentari dan National Geographic. Dapatan kajian juga mendapati ramai dalam kalangan informan ini yang menonton rancangan televisyen bersendirian berbanding yang menonton bersama ibu bapa atau ahli keluarga yang lain. Ini kerana mereka menyatakan bahawa lebih seronok menonton seorang diri berbanding bersama ibu bapa atau adik beradik yang lain.

Hampir separuh daripada jumlah keseluruhan informan yang tahu apakah nilai positif dan nilai negatif yang terdapat di dalam rancangan yang ditonton mereka. Tetapi ada juga yang tidak tahu dan tidak memberi tindak balas terhadap soalan ini yang ditanya oleh pengkaji. Kesemua 40 orang informan daripada empat kumpulan fokus yang terlibat di dalam kajian ini memperoleh kepuasan dalam menonton rancangan yang diminati mereka. Seterusnya apabila ditanya soalan apakah perkaitan pelajaran dengan rancangan yang ditonton hanya sebilangan daripada mereka yang memberikan jawapan yang jelas, iaitu mereka tahu rancangan yang ditonton mempunyai kaitan pelajaran dan boleh mengaitkannya dengan subjek yang dipelajari di sekolah.

**Radio.** Menurut dapatan kajian subtema radio, kebanyakan informan Melayu gemar mendengar radio *Era*, *Hot FM*, *xFresh* dan *Sinar FM*. Manakala kaum Cina dan India lebih tertumpu kepada *THR*, *Hitz FM*, *Fly FM*, *98.8* dan *My FM*, malah boleh dikatakan hampir kesemua siaran radio ini menggunakan bahasa Inggeris. Ini

mungkin disebabkan oleh mereka lebih mudah memahami rancangan-rancangan yang disiarkan berbanding mendengar radio *era* atau *Hot FM* yang hampir 90% di dalam bahasa Melayu. Tetapi masih ada antara informan yang langsung tidak mendengar radio.

Apabila ditanya berapa jam mereka menghabiskan masa mendengar radio ada yang menjawab lebih daripada lima jam sehari dan ada yang kalau boleh mahu mendengar radio sepanjang masa. Ada pula yang mendengar radio selepas atau semasa ulang kaji pelajaran di waktu tengah malam sampai tertidur-tidur. Mungkin ini adalah salah satu cara mereka menghilangkan rasa bosan semasa dan selepas melakukan ulang kaji pelajaran.

Hampir majoriti informan memilih untuk mendengar rancangan yang bercorak hiburan di mana carta lagu dan mendengar lagu menjadi pilihan mereka. Hanya terdapat seorang informan yang memilih mendengar berita sukan di radio. Informan-informan ini mendengar radio kebanyakannya seorang diri, ada juga yang bersama kakak, adik beradik dan keluarga. Faktor yang mendorong informan mendengar radio antaranya adalah tahu berita tentang idola, menghilangkan tekanan, merasa seronok, menghilangkan mengantuk dan sebagainya. Perbincangan antara informan dengan ibu bapa amat jarang berlaku cuma terdapat beberapa orang sahaja yang berbincang dengan ibu bapa, kakak dan kawan-kawan.

Dari aspek nilai positif dan negatif yang terdapat di dalam kandungan rancangan radio yang didengari oleh informan sebahagian daripada mereka mengatakan tidak ada nilai positif dan nilai negatif. Akan tetapi sebahagian daripada informan pula sedar akan nilai positif dan negatif yang terdapat di dalam kandungan rancangan yang didengar. Informan merasa puas apabila mendengar radio mereka dapat menghilangkan rasa ketegangan dan rasa bosan dan mendapat informasi.

Hampir kesemua informan mengatakan tidak terdapat kaitan pelajaran dengan rancangan yang didengari mereka. Namun segelintir daripada mereka merasakan lagu-lagu berbahasa Inggeris dan bahasa Melayu membantu mereka sedikit sebanyak dalam kedua-dua mata pelajaran tersebut. Contohnya lagu-lagu bahasa Melayu yang mempunyai ayat-ayat yang puitis dan penambahan perbendaharaan kata di dalam bahasa Inggeris serta memperbaiki bahasa Inggeris mereka.

**Akhbar.** Berdasarkan soalan mengenai akhbar yang ditanya kepada informan saya mendapati mereka masih memberikan perhatian kepada akhbar sebagai salah satu cara untuk mereka menambahkan pengetahuan dan mendapatkan lebih banyak informasi. Berita harian, *Utusan Malaysia*, *Metro Harian*, *Kosmo*, *The Star*, *New Straits Times*, *Chung Kow*, *Sin Chew Jit Poh* merupakan pilihan-pilihan akhbar oleh informan-informan kajian. Masa yang paling lama diambil oleh informan untuk membaca akhbar dalam sehari adalah selama satu jam dan selebihnya pula kurang daripada setengah jam dan hampir separuh daripada informan mengambil masa dalam tiga puluh minit.

Berita atau segmen yang menjadi pilihan informan adalah isu semasa, hiburan, sukan, isu luar negara, teknologi dan gajet, serta kesihatan. Membaca seorang diri merupakan rutin biasa bagi informan semasa membaca akhbar dan beberapa orang informan sahaja yang membaca akhbar bersama ibu bapa, kakak dan kadang-kadang bersama kawan-kawan mereka.

Seterusnya faktor yang mendorong informan membaca akhbar yang paling

utama adalah kerana mereka ingin menambahkan maklumat dan ilmu pengetahuan. Mereka ingin mengetahui apakah perkembangan terkini yang berlaku sama ada di dalam dan luar negara. Kandungan berita yang dibaca oleh informan boleh dikatakan hanya beberapa orang informan yang berbincang dengan ibu mereka. Selebihnya walaupun mereka tidak berbincang dengan ibu bapa, tetapi ada yang berbincang bersama adik beradik dan kawan-kawan.

Dapatan kajian daripada aspek nilai positif dan nilai negatif hampir kesemua informan mengatakan yang sememangnya kandungan berita yang dibaca oleh mereka mempunyai nilai positif antaranya mendapat informasi terkini. Tetapi sebaliknya apabila ditanya kepada informan apakah nilai negatif yang didapati mereka daripada kandungan berita yang dibaca sebahagian daripada mereka mengatakan tidak ada nilai negatif di dalam kandungan berita itu. Namun masih terdapat dalam kalangan informan yang memberikan apa nilai negatif yang dirasakan terdapat di dalam kandungan berita yang dibaca.

**Majalah.** Dapatan kajian daripada majalah pula mendapati kebanyakan informan lebih cenderung membaca majalah yang berbentuk hiburan daripada yang berbentuk ilmiah seperti *Mangga, Hai, Urtv, Galaxie, Klik, Remaja, E-Pop, Maskulin, Mastika, Kreko* (komik) dan sebagainya. Akan tetapi masih ada segelintir daripada informan yang membaca majalah yang berbentuk ilmiah seperti *Reader's Digest, Dewan Siswa, Dewan Masyarakat, Gempur* dan majalah *National Geographic* serta terdapat juga informan yang langsung tidak membaca majalah.

Masa yang diambil untuk membaca majalah bagi seseorang informan adalah dua jam dan yang paling singkat masa yang diambil adalah sepuluh minit. Rencanarencana yang menjadi pilihan informan adalah mengenai kesihatan, novel bersiri, horoskop, gosip dan kisah-kisah artis, fesyen, masyarakat, isu antarabangsa dan pelbagai lagi. Majoriti informan mengatakan mereka membaca majalah seorang diri dan ada antara mereka juga yang membaca bersama kawan, abang, adik, malah dengan ibu mereka sendiri.

Faktor yang mendorong informan membaca majalah pula ialah perasaan ingin tahu dalam diri informan, untuk meningkatkan pengetahuan, meningkatkan bahasa, menambahkan pengetahuan dan ada yang mengatakan mahukan sedikit hiburan setelah asyik membaca buku sahaja. Menurut informan perbincangan dengan ibu bapa mengenai rencana yang dibaca hanya kadang-kadang dilakukan. Mereka lebih banyak berbincang dengan kawan-kawan dan adik beradik.

Melalui kajian yang dilakukan sebahagian informan daripada keempat-empat kumpulan fokus ini menyedari apakah nilai positif dan nilai negatif daripada rencana yang dibaca sedangkan sebahagian lagi hanya menjawab tidak tahu atau pun tidak ada. Seterusnya saya bertanyakan kepada informan apakah kepuasan yang diperoleh setelah membaca rencana tersebut? Ramai antara mereka yang hanya menjawab puas sangat dan ramai juga tidak memberikan apa-apa tindak balas. Namun masih ada beberapa orang antara mereka yang memberikan jawapan dengan agak panjang lebar dengan menerangkan dengan lebih jelas apakah kepuasan yang diperoleh.

**Internet.** Dapatan kajian mengenai Internet mendapati 20 orang daripada 40 informan mempunyai Internet di rumah dan sebahagiannya tidak melanggan

Internet di rumah, namun mereka masih tidak ketinggalan kerana informan kajian turut pergi mengunjungi kafe siber yang menawarkan perkhidmatan Internet kepada orang ramai. Ini membuatkan ramai pelajar sekolah yang mudah mencapai Internet walaupun mereka tidak mempunyai capaian di rumah. Walau bagaimanapun terdapat beberapa orang informan yang jarang sekali menggunakan Internet.

Laman sesawang yang paling kerap dilawati oleh informan adalah seperti Yahoo, Google, Wikipedia, Myspace, Friendster, Youtube dan hanya seorang daripada informan kerap melawati jobDB.com. Soalan sama ada mereka menggunakan Internet untuk *chat* telah diajukan kepada informan dan jawapan yang diberikan adalah kadangkala, guna, tak dan ada menggunakannya. Salah seorang informan kajian telah menghabiskan masa yang agak lama untuk bersembang (*chatting*) dan masa yang paling lama adalah sepanjang masa jika pada waktu hujung minggu dan yang selainnya menghabiskan masa selama lima jam, tiga hingga empat jam, tiga jam, dua jam, satu jam dan 30 minit.

Dengan siapa biasanya informan ini chat juga turut diajukan soalan. Boleh dikatakan hampir kesemua mereka bersembang dengan kawan-kawan dan ada juga yang dengan saudara mara, keluarga termasuklah orang yang tidak dikenali. Seterusnya soalan mengenai sama ada mereka menggunakan Internet untuk mel-e. Ramai antara mereka yang menggunakannya dan mel-e yang menjadi pilihan mereka terdiri daripada Yahoo, Hotmail dan MSN. Berapa lama masa yang diambil oleh informan untuk mel-e adalah majoritinya tidak sampai satu jam namun terdapat seorang informan yang mengambil masa selama lima jam untuk mel-e. Informan-informan kajian biasanya akan menghantar mel-e kepada kawan-kawan, saudara mara, kakak dan kenalan dari luar negara.

Saya juga turut mengajukan soalan mengenai *online games*. Soalan pertama yang diajukan adalah adakah mereka menggunakan Internet untuk bermain *online games*. Jawapan yang diperoleh daripada informan-informan adalah ya, kadang-kadang, ada, selalu, dan tidak sama sekali. Seterusnya saya bertanya pula berapa lama mereka menghabiskan masa untuk bermain *online games*? Majoriti informan mengatakan mereka menghabiskan masa dalam satu jam, ada yang setengah jam, dan terdapat seorang informan yang menghabiskan masa yang begitu panjang untuk bermain "online games" iaitu selama lima jam. Biasanya informan ini bermain online games bersama kawan-kawan, adik beradik, saudara mara dan juga orang yang tak dikenali serta bermain seorang diri. Antara laman sesesawang "games" yang kerap dikunjungi oleh informan adalah seperti Gotcha, Jumbo play, Miniclip, Funplay, Autojem, Funcard, Fire.com, Tuto, LQM.com, Paperclip dan Counterstrike.

Hampir kesemua informan tidak menggunakan Internet untuk muat turun perisian. Ada antara mereka yang tidak melakukannya sendiri tetapi dibantu oleh ayah dan abang. Bagi informan yang menggunakan Internet untuk muat turun perisian AVG Antivirus, Norton Antivirus, Download.com, Google, Mp3 dan Zoneup merupakan laman sesesawang yang kerap dikunjungi.

Daripada 40 orang informan, tiga orang daripada mereka tidak menggunakan Internet untuk mencari maklumat pelajaran. Maklumat pelajaran yang dicari oleh informan mengambil masa yang agak panjang, iaitu ada yang sehingga lima jam, namun demikian terdapat juga informan yang mengambil masa yang pendek iaitu selama lima belas minit sahaja. Cikgu, kawan-kawan, adik beradik, ibu bapa



merupakan teman kepada informan semasa mereka mencari maklumat mengenai pelajaran di Internet. Laman sesesawang yang menjadi pilihan informan untuk mencari maklumat adalah seperti Wikipedia, Google, Berita Harian Online, Encarta.com dan Yahoo. Selain itu, saya turut mengajukan soalan siapakah yang mengajar atau mendedahkan mereka kepada Internet. Kebanyakan daripada informan mengatakan kawan-kawan adalah orang yang mengajar dan mendedahkan mereka kepada Internet tetapi ada juga informan yang mendapat pendedahan daripada guru, ayah, abang dan saudara mara.

### **Tahap Pendedahan Media**

Dapatan pada tema tahap pendedahan media mendapati bahawa ramai informan yang menonton stesen televisyen berbayar atau satelit berbanding dengan stesen televisyen tidak berbayar (*free to-air*). Ini mungkin disebabkan saluran yang ditawarkan pelbagai dan rancangan yang disiarkan juga adalah lebih terkini. Faktor lain yang mungkin boleh dikaitkan adalah pendapatan atau ekonomi sesebuah keluarga pada hari ini adalah lebih baik kerana mereka mampu untuk melanggan televisyen kabel atau satelit ini jika dibandingkan pada satu ketika dahulu.

Begitu juga dengan stesen radio yang didengar oleh informan kebanyakan mereka memilih stesen radio yang dimiliki oleh pihak swasta seperti Era, Hitz FM, Hot FM, Xfresh dan pelbagai lagi berbanding stesen radio yang dipunyai oleh kerajaan seperti Radio 1, Radio Muzik, Radio Klasik FM dan berbagai-bagai lagi. Boleh saya katakan di sini kebanyakan radio swasta kumpulan sasaran pendengar mereka adalah lebih dekat kepada golongan remaja di mana rancangan yang disiarkan dapat menambat hati mereka. Pelbagai program dan segmen yang menarik disediakan untuk orang ramai agar terus setia kepada siaran radio mereka.

Kesemua informan membaca akhbar dan dapatan kajian menunjukkan kebanyakan informan yang berbangsa Cina dan India memilih membaca akhbar berbahasa Inggeris iaitu *News Straits Times*, *The Star* dan *Malay Mail*. Namun masih terdapat informan yang berbangsa Melayu yang membaca akhbar berbahasa Inggeris dan juga terdapat beberapa informan yang membaca lebih daripada satu jenis akhbar. Ini menunjukkan informan-informan ini telah mendedahkan diri mereka kepada salah satu media yang begitu banyak memberikan mereka maklumat di samping boleh dijadikan sebagai salah satu rutin harian agar mereka tidak jauh ketinggalan dan sentiasa mengetahui berita-berita terkini tidak mengira isu semasa, politik, sukan, hiburan, kesihatan dan pelbagai lagi.

Majalah yang menjadi pilihan informan lebih banyak yang berbentuk hiburan berbanding yang bercorak ilmiah. Tetapi masih ada antara informan yang membaca majalah yang memberikan pelbagai maklumat dan ilmu pengetahuan kepada mereka seperti *Reader's Digest* dan *National Geographic*. Terdapat informan yang langsung tidak membaca majalah dan ini mungkin disebabkan mereka merasakan majalah tidak mempunyai banyak kepentingan kepada mereka jika dibandingkan dengan media-media yang lain. Walau bagaimanapun mungkin ada antara informan merasakan membeli majalah merupakan satu pembaziran atau ibu bapa mereka tidak menyediakan wang peruntukan kepada mereka untuk membeli majalah. Ini disebabkan oleh setiap informan ini mempunyai latar belakang yang berbeza-beza.

Menurut dapatan kajian mengenai Internet kebanyakan informan yang berbangsa Cina mempunyai capaiannya di rumah dan hanya beberapa orang informan berbangsa Melayu dan informan yang berbangsa India yang mempunyai Internet di rumah. Jika dilihat daripada demografi informan, mereka yang tinggal di bandar lebih ramai yang mempunyai capaian Internet di rumah. Namun demikian sudah menjadi satu kebiasaan informan-informan dari Kuala Lumpur dan Selangor ini yang tidak mempunyai Internet di rumah, tetapi tetap mengunjungi kafe siber. Boleh dikatakan perkhidmatan kafe siber di kawasan Kuala Lumpur dan Selangor seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Tidak menjadi satu masalah kepada informan termasuk juga orang ramai untuk mendapatkan perkhidmatan Internet walau di mana mereka tinggal. Di samping itu faktor ekonomi atau pendapatan keluarga juga menjadi penyumbang sama ada informan ini mempunyai Internet di rumah atau pun tidak.

Berapa jam masa yang diambil oleh para informan ini menonton televisyen, mendengar radio, membaca akhbar, membaca majalah dan berapa lama mereka menggunakan Internet adalah berbeza antara setiap daripada mereka. Daripada kelima-lima media ini dapatan kajian mendapati radio merupakan media yang paling lama digunakan oleh para informan dan diikuti dengan masa yang digunakan untuk informan menonton televisyen dan "chat" di Internet. Ungkapan informan di dalam temu bual kumpulan fokus adalah seperti berikut:

Informan 10: *Kalau boleh nak dengar radio sepanjang masa*

Informan 3: *Lepas study tengah-tengah malam sampai tertidur-tidur*

Ini menunjukkan yang radio tidak memerlukan informan memberikan sepenuh perhatian untuk mendengar tetapi dalam masa yang sama mereka boleh melakukan kerja-kerja lain. Berbeza pula dengan televisyen, akhbar, majalah dan Internet di mana setiap daripada kita perlu meluangkan masa untuk menonton, membaca dan melakukan kerja-kerja menaip sekiranya menggunakan Internet. Radio tidak mempunyai visual atau gambar berbanding media yang lain dan hanya suara DJ yang didengari. Oleh yang demikian tumpuan yang diberikan adalah berbeza-beza mengikut jenis media dan keperluan setiap informan. Mesej dan informasi yang diperolehi oleh informan juga terdapat kelainannya.

Berdasarkan subtema rancangan televisyen yang ditonton dapat dilihat bahawa daripada 40 orang informan, tiga puluh satu orang informan cenderung menonton rancangan-rancangan yang bercorak hiburan di mana hanya sembilan orang informan yang menonton rancangan yang berbentuk informasi atau yang dapat memberikan mesej yang berguna kepada mereka. Namun demikian ini tidak bermaksud kesemua rancangan yang berbentuk hiburan itu tidak baik kepada informan malah ianya mungkin memberikan lebih banyak manfaat sekiranya seseorang informan itu tahu membezakan yang baik dan buruk serta tahu mengkonstruksi maksud sesebuah cerita itu.

Begitu juga rancangan radio yang didengari oleh informan semuanya lebih senang untuk mendengar lagu dan mengenai artis-artis yang diminati mereka, iaitu semuanya lebih kepada rancangan hiburan.

Namun demikian sebaliknya berlaku apabila dilihat kepada dapatan kajian subtema apakah berita yang informan baca di dalam akhbar. Hampir kesemua

informan membaca berita yang memberikan mereka begitu banyak maklumat dan meluaskan lagi pengetahuan mereka seperti isu semasa, berita luar negara, politik, sukan, kesihatan dan teknologi. Tetapi dalam masa yang sama mereka juga masih mengambil tahu mengenai hiburan sebagai pengetahuan am buat diri mereka. Ini menunjukkan yang informan tahu menyeimbangkan antara kedua-dua perkara kerana kehidupan manusia tidak akan sunyi daripada perkara-perkara yang positif dan negatif. Perkara yang sama juga dapat dilihat apabila saya ajukan soalan apakah rencana yang mereka baca di majalah. Rata-rata informan memilih bahan bacaan yang berbentuk hiburan dan yang memberikan informasi.

Berbeza pula pada tema tahap pendedahan media, iaitu Internet kerana pendedahannya begitu meluas disebabkan ia merupakan teknologi baharu dan kebanyakan orang akan sentiasa mencari peluang untuk didedah dan mendedahkan diri mereka kepada Internet. Kita sentiasa berlumba-lumba untuk mempelajari dan meningkatkan lagi pengetahuan mengenai media yang dianggap paling terkini di dalam masyarakat pada hari ini agar kita tidak jauh ketinggalan. Apatah lagi informan-informan ini adalah pelajar sekolah yang sememangnya mindanya masih cergas dan mudah untuk menerima sesuatu benda yang baharu. Sudah menjadi satu lumrah yang remaja sentiasa ingin mencuba sesuatu yang baharu dan perasaan ingin tahu sentiasa bersarang di dalam fikiran mereka. Internet adalah satu medium yang mendapat perhatian terutamanya golongan pelajar atau remaja. Terdapat pula sesetengah ibu bapa yang mendedahkan anak-anak mereka kepada Internet sedari kecil lagi.

Menurut dapatan kajian informan-informan ini menggunakan Internet untuk menghantar mel-e, "berchatting", mencari maklumat mengenai pelajaran dan juga bermain "online games". Kajian menunjukkan informan lelaki lebih banyak melakukan aktiviti bermain online games berbanding informan perempuan namun aktiviti-aktiviti yang lain kadarnya adalah sama rata. Contohnya apabila saya bertanyakan berapa lama menghabiskan masa bermain "online games".

Informan 5: *bergantunglah...biasanya saya akan bermain "online games" sampai lima jam*

Informan 8: *1 jam or sampai habis duit*

Informan-informan ini bermain "online games" biasanya bersama kawan-kawan, seorang diri dan mereka juga boleh bermain dengan orang yang tak dikenali semasa berada di talian.

Majoriti informan daripada keempat-empat buah sekolah menggunakan Internet untuk mencari maklumat tentang pelajaran dan ini biasanya apabila mereka diberikan tugas untuk membuat projek. Di sini dapat dilihat bahawa informan tidak hanya menggunakan Internet untuk *chat*, mel-e dan bermain *games* tetapi masih memanfaatkan penggunaan Internet kepada perkara yang berfaedah seperti yang telah dinyatakan sebelum ini di mana mereka mencari maklumat mengenai pelajaran dan ini akan memudahkan lagi dan mempercepatkan tugas yang telah diberikan oleh guru kepada mereka. Tetapi kebanyakan daripada mereka tidak pandai untuk melakukan muat turun perisian dan biasanya dibantu atau dilakukan oleh abang, kakak atau ibu bapa mereka. Mungkin ini disebabkan oleh kurangnya pendedahan dari aspek penggunaan muat turun perisian.

Tidak menjadi satu persoalan adakah pelajar ini berada di luar bandar atau pun tinggal di bandar kerana dapatan kajian mendapati hampir kesemua informan tahu menggunakan Internet tidak mengira siapa yang mendedahkan atau mengajar mereka mengenai Internet. Walaupun mereka tidak mempunyai Internet di rumah di mana ia mungkin disebabkan ketidakmampuan ibu bapa untuk melangganinya atau pelbagai faktor lain namun demikian mereka masih belajar daripada kawan-kawan di kafe siber dan juga guru-guru di sekolah masing-masing. Informan yang tinggal di bandar mungkin mendapat kemudahan yang lebih baik berbanding informan yang bersekolah di luar bandar. Akan tetapi dapatan kajian menunjukkan mereka tidak jauh ketinggalan kerana sudah pasti pihak kerajaan sentiasa akan memberi peluang dan menambah baik kemudahan bagi pelajar-pelajar yang tinggal di luar bandar.

### **Tahap Pengkonstrukturan Kandungan Media**

Berdasarkan tema tahap pengkonstrukturan kandungan media dapatan kajian menunjukkan informan-informan menonton televisyen adalah disebabkan dua perkara di mana saya bahagikan kepada dua bahagian, iaitu sesetengah daripada mereka menonton untuk mendapatkan hiburan manakala sebahagiannya lagi untuk mendapatkan maklumat, menambahkan lagi pengetahuan serta mengikuti perkembangan semasa. Setiap daripada mereka mempunyai faktor dorongan atau tujuan yang berbeza-beza. Seperti apa yang dikatakan oleh informan-informan di dalam kajian yang dilakukan.

- Informan 3: *saya ingin mengetahui perkembangan pada masa kini macam luar negara boleh tau...*
- Informan 9: *nak luangkan masa dan tambahkan pengajaran dan moral*
- Informan 4: *cerita tak meleret, maknanya cerita tu tak merapu ikut jalan cerita yang bagus*
- Informan 6: *nak tau pasal sukan, kemenangan sesuatu perlawanan*

Melalui kajian yang dijalankan ke atas faktor yang mendorong informan mendengar radio didapati bahawa secara puratanya informan lebih kepada untuk menghiburkan diri mereka, menghilangkan rasa kebosanan dan mengetahui mengenai lagu-lagu terbaharu yang berada di pasaran tidak hanya lagu-lagu tempatan malah juga lagu-lagu daripada artis antarabangsa. Walau bagaimanapun terdapat sebilangan informan yang menjadikan radio sebagai salah satu sumber untuk mereka mendapatkan berita dan informasi yang terkini. Contohnya yang telah dinyatakan oleh informan.

- Informan 3: *saya dengar radio dalam kereta je...apa saja yang dibuka saya dengar, apa yang elok saya guna, yang tak elok tak guna la*
- Informan 2: *dengar lagu masa study, kalau senyap takut boring, tertidur plak*
- Informan 9: *nak dengar lagu and headbanging banyak-banyak*
- Informan 8: *dapat meningkatkan grammar*
- Informan 6: *lagu yang best-best dan pengacara dia pun best*

Informan-informan yang terlibat dalam kajian literasi media ini turut ditanya apakah faktor yang mendorong mereka membaca akhbar atau apakah tarikan akhbar untuk mereka terus membacanya. Majoriti memberikan jawapan yang hampir sama di mana mereka ingin menambahkan pengetahuan tidak mengira sama ada pengetahuan am atau pun yang bersifat ilmiah. Yang lebih penting adalah bagaimana mereka mengkonstruksi sesuatu maksud berita itu walaupun berita itu mengenai hiburan tetapi sekiranya mereka pandai untuk mengambil berita itu sebagai perkara yang positif di dalam diri mereka tidak timbul persoalan yang pelajar-pelajar pada hari ini tidak begitu celik media. Yang lebih membimbangkan adalah sekiranya mereka hanya melihat cerita atau berita itu secara permukaan sahaja dan menerima apa-apa yang dilaporkan oleh pihak media sebagai benar belaka. Seperti yang telah diungkapkan oleh informan-informan di dalam kajian ini.

- Informan 3: *berita sebab kita tau apa yang jadi kat dunia luar, kesihatan untuk informasi diri kita sendiri, hiburan untuk release tension hiburan-hiburkan diri*
- Informan 3: *dapat mengetahui strategi-strategi negara-negara yang ingin melakukan serangan*
- Informan 7: *kita boleh tau perkembangan sukan tu... masih berada di tahap atas atau bawah*
- Informan 1: *macam kesihatan kita boleh praktikkan dalam kehidupan seharian macam epal ni elok untuk apa*
- Informan 3: *dapat tau pasal benda baharu, mungkin penyanyi baharu kita dapat tau*

Selain daripada televisyen, radio dan akhbar faktor yang mendorong informan membaca majalah juga turut diajukan kepada informan. Rata-rata informan memberikan jawapan ingin mengisi masa lapang. Mungkin sudah menjadi satu kebiasaan orang akan membaca majalah apabila mempunyai masa terluang dan sebagai satu bahan bacaan yang ringan. Tetapi masih terdapat beberapa informan daripada ketiga-tiga kaum iaitu Melayu, Cina, India yang menjadikannya sebagai bahan bacaan yang boleh membantu mereka meningkatkan bahasa mereka seperti majalah *Reader's Digest* untuk meningkatkan bahasa Inggeris manakala *Dewan Masyarakat* dan *Dewan Siswa* untuk memperbaiki dan meningkatkan mutu bahasa Malaysia masing-masing. Perkara seperti ini menunjukkan bahawa tidak semua orang membaca majalah sebagai salah satu cara meluangkan masa lapang, malah masih ramai yang menjadikannya sebagai salah satu bahan rujukan ilmiah.

Dapatan kajian mengenai subtema berbincang dengan ibu bapa mengenai kandungan rancangan sama ada yang ditonton, didengar dan dibaca memperlihatkan kurang daripada separuh daripada informan yang berbincang bersama ibu bapa mereka. Mereka lebih banyak berbincang bersama kawan-kawan dan adik-beradik, iaitu abang dan kakak mereka. Jarak umur mungkin merupakan salah satu faktor yang menyebabkan informan-informan ini lebih senang membincangkan satu-satu perkara bersama rakan-rakan mereka yang mana tahap pemikiran mereka mungkin tidak mempunyai banyak perbezaan. Selain itu, faktor kesibukan ibu bapa mungkin juga merupakan penyumbang kepada perkara ini. Walau bagaimanapun terdapat segelintir informan yang masih melakukan perbincangan bersama ibu bapa mereka.

Ini menunjukkan yang ibu bapa sentiasa prihatin apa yang ditonton, didengar dan di baca oleh anak-anak mereka. Ibu bapa sentiasa berusaha untuk meluangkan masa bersama anak-anak mereka kerana yang lebih penting bukanlah kuantiti tetapi adalah kualiti masa yang dihabiskan. Yang lebih penting walaupun hanya seketika tetapi sekiranya dapat dimanfaatkan adalah lebih bererti kepada anak-anak mereka. Contohnya seperti yang telah dinyatakan oleh informan-informan ini.

Informan 3: *saya kan macam satu isu berita yang tak faham kita tanyalah mak kita, kemudian kami berbincang bersama*

Informan 3: *ada...berdebat dengan ibu tentang satu-satu isu*

### **Tahap Pentafsiran Kandungan Media**

Seterusnya nilai positif dan nilai negatif media turut ditanya di dalam kumpulan fokus yang dijalankan. Dapatan kajian mendapati majoriti informan dapat memberikan jawapan apakah nilai positif dan nilai negatif yang terkandung di dalam rancangan televisyen yang mereka tonton, radio yang mereka dengar, akhbar dan majalah yang mereka baca. Namun masih terdapat beberapa informan yang tidak memberikan tindak balas semasa soalan tentang perkara ini diajukan dan ini adalah disebabkan ada antara mereka yang tidak mendengar radio dan membaca majalah di samping ada yang hanya berdiam diri. Mungkin agak tidak selesa kerana kesemua informan baru pertama kali melakukan aktiviti seperti ini dan tidak mengetahui mengenai apakah kumpulan fokus sebenarnya.

Apabila ditanya apakah nilai positif dan nilai negatif yang dapat diperolehi mereka melalui rancangan televisyen yang ditonton, informan memberikan jawapan yang menunjukkan bahawa mereka tidak hanya menonton untuk mendapatkan hiburan semata-mata tetapi tahu menilai sesebuah rancangan itu. Ini memberikan satu petanda yang positif kerana mereka tidak hanya menerima bulat-bulat apa-apa yang dipaparkan oleh televisyen kepada penonton. Ini boleh dilihat seperti yang telah dinyatakan oleh informan mengenai nilai-nilai positif yang boleh diambil mereka untuk dijadikan panduan di dalam kehidupan mereka.

Informan 7: *bila sesuatu yang baik tu dapat kita aplikasikan dalam kehidupan seharian*

Informan 9: *apa yang baik dijadikan teladan dan yang buruk dijadikan sempadan*

Informan 3: *nilai-nilai dalam cerita tu tapi kita kena pandai pilih cerita sebab tak semua cerita bagus*

Informan 7: *belajar perkara baharu dan boleh meningkatkan tatabahasa*

Informan 5: *dapat mempelajari sifat baik daripada watak pelakon*

Informan kajian juga amat peka akan nilai negatif melalui rancangan televisyen yang mereka tonton. Mereka tahu tidak semua yang ditontonkan kepada umum adalah baik dan benar belaka. Tidak semua yang dipaparkan oleh televisyen sesuai untuk semua lapisan peringkat umur. Mereka menjadikan nilai-nilai negatif ini sebagai teladan dan panduan kepada diri mereka. Contohnya seperti yang telah diberitahu oleh informan semasa kumpulan fokus dijalankan:

- Informan 3: *kebanyakan cerita daripada luar negara...sebagai orang timur kita kena pandai pilih la...*
- Informan 3: *sebagai contoh terdapat peperangan di Iraq, selatan Thailand apa tu... kekejaman la...*
- Informan 7: *kalau tengok movie takut terpengaruh dengan benda-benda yang tak elok*
- Informan 3: *kadang-kadang ada yang tayang tak logik*
- Informan 8: *sama gak macam tengok movie kadang-kadang dalam tu ada unsur-unsur ganas ke*

Berbeza pula apabila soalan mengenai nilai positif dan nilai negatif radio ditanya kepada informan. Mereka mengatakan yang mereka hanya mendengar lagu sahaja dan merasakan yang radio tidak menyumbang banyak faktor-faktor positif dan negatif. Ini terjadi mungkin disebabkan oleh mereka tidak dapat melihat seperti apa yang mereka tonton di televisyen yang mempunyai gambaran visual. Di samping itu tumpuan yang diberikan juga adalah berbeza sekiranya seseorang itu menonton mahupun melakukan pembacaan. Tetapi terdapat juga informan yang tahu menilai rancangan-rancangan radio yang mereka dengari dengan menjelaskan apakah nilai positif dan nilai negatif yang mereka dapati daripada kandungan rancangan yang disiarkan oleh radio.

- Informan 3: *dengar radio satu family jadi kita dapat discuss la topik yang kita dengar*
- Informan 6: *seperti yang saya katakan tadi dapat meningkatkan bahasa Inggeris melalui lagu-lagu yang berbahasa Inggeris*

Sebilangan informan juga turut menyatakan nilai-nilai negatif yang terdapat di dalam rancangan-rancangan radio yang mereka dengar. Mereka tidak hanya mendengar radio untuk menghilangkan rasa bosan malah tahu membezakan mana satu perkara yang baik dan mana satu yang tidak baik untuk dijadikan garis panduan di dalam menjalani rutin harian.

- Informan 10: *bila asyik dengar radio pelajaran kita terabai*
- Informan 8: *melalaikan bila buat kerja sekolah dengar radio sampai kerja sekolah tak siap*
- Informan 10: *leka, khusyuk sangat dengar sampai tak ingat kerja lain*

Dari aspek nilai positif dan nilai negatif akhbar, jawapan yang diberikan oleh informan adalah jelas ketara yang mereka tahu untuk membuat pentafsiran mengenai kandungan berita yang mereka baca daripada akhbar. Ini menunjukkan yang mereka tidak hanya menerima apa yang dilaporkan oleh wartawan dan pihak media adalah seratus peratus benar. Saya dapat melihat sebilangan informan dapat berfikir secara matang dan tahu apa yang boleh dijadikan iktibar dan panduan bagi diri mereka. Antara nilai positif yang dinyatakan oleh informan adalah seperti berikut:

- Informan 3: *dari berita yang saya baca dunia ini perlukan keamanan daripada peperangan*
- Informan 2: *dari berita sukan yang dibaca kita boleh belajar bekerjasama dalam pasukan*
- Informan 6: *kita dapat tau benda yang terjadi, tak la macam katak di bawah tempurung*

Dari aspek nilai negatif pula terdapat informan yang mengatakan tidak ada nilai negatif daripada kandungan berita yang mereka baca. Mungkin mereka tidak berfikir atau mereka merasakan yang akhbar merupakan sumber yang terbaik untuk mereka memperoleh informasi terkini dan mana mungkin mempunyai nilai negatif menerusi ruangan yang mereka baca. Namun terdapat beberapa informan yang berbangsa Cina dan Melayu memberikan jawapan di sebaliknya di mana mereka memberitahu:

- Informan 9: *kadang-kadang mereka bagi maklumat yang salah so kita sering tertanya apakah yang betul dan apakah yang tidak...*
- Informan 2: *pakaian artis yang menjolok mata*
- Informan 3: *kadang-kadang berita yang ada dalam surat khabar ni kita tak boleh 100% percaya, sebagai pembaca kita harus tau mana yang betul, mana yang salah*
- Informan 6: *mungkin teknologi akan merosakkan alam sekitar*
- Informan 8: *peperangan menjurus kepada penderitaan dan penyeksaan*

Majalah merupakan media yang tidak kurang pentingnya dan mendapat sambutan daripada masyarakat kerana ia boleh memberikan informasi di dalam pelbagai bidang dan bukan hanya membaca untuk mengisi masa lapang seseorang. Tetapi ini juga bergantung kepada seseorang individu dalam mereka mentafsir maklumat yang diperolehi mereka. Informan kajian memberikan pandangan yang berbeza mengenai nilai negatif dan nilai positif mengenai kandungan rencana yang mereka baca daripada majalah. Antara nilai positif adalah:

- Informan 2: *dapat elakkan daripada terlibat dengan gejala sosial*
- Informan 3: *info yang sesuai untuk diri kita, kita boleh aplikasikan dalam kehidupan seharian*
- Informan 3: *bila saya gunakan kaedah-kaedah yang ada dalam majalah skill-skill yang ada saya berjaya praktikkan...saya suka landskap so menambahkan pengetahuan yang ada*
- Informan 6: *dapat tau tentang kejadian alam, mengajar kita untuk menjaga persekitaran alam*

Nilai-nilai negatif yang terdapat di dalam kandungan majalah yang diberitahu oleh informan pula adalah seperti berikut:

- Informan 2: *jangan terpengaruh, artis luar negara kan macam tak senonoh skit*
- Informan 8: *kekejaman terhadap wanita dan kanak-kanak di dunia*



Informan 4: *pakai seksi ni la...kita tak boleh pandang sangat la*

### **Tahap Literasi Media**

Menurut dapatan kajian pada tema tahap literasi media didapati informan merasakan kelima-lima media yang digunakan di dalam kajian ini iaitu televisyen, radio, akhbar, majalah dan Internet memberikan kepuasan dan dapat menambahkan pengetahuan dan fakta-fakta mereka dalam pelbagai perkara tidak mengira sama ada yang berbentuk ilmiah mahupun pengetahuan am. Ada antara informan yang tahu mengaitkan sumber-sumber media ini di dalam subjek yang mereka pelajari di sekolah dan juga menjadikan pengajaran dan panduan di dalam kehidupan mereka.

Setiap orang mempunyai kemahiran dan kebolehan yang berbeza, begitu juga dengan informan kajian yang terlibat di dalam kajian ini. Tidak kesemua mereka tahu mengaplikasikan apa yang mereka lihat, dengar dan baca di dalam mata pelajaran mahupun rutin seharian di samping budaya dan juga sosial. Mungkin mereka masih naif atau kurang pendedahan mengenai paparan pihak media sehingga tidak tahu manakah satu perkara yang betul dan mana satu yang palsu. Mereka seolah-olah terperangkap di antara dunia realiti dengan fantasi.

Namun masih terdapat beberapa orang informan yang menyedari akan hakikat bahawa tidak kesemua yang dilapor atau dipaparkan pihak media benar belaka. Dalam masa yang sama mereka turut menjadikan mesej media sebagai satu perkara yang positif di dalam diri mereka kerana sudah menjadi lumrah setiap perkara itu terdapat pro dan kontranya. Antara yang dinyatakan oleh informan ialah mesej-mesej media dapat menambahkan ilmu pengetahuan mereka, apa-apa yang mereka tidak tahu telah diketahui mereka seperti isu semasa yang berlaku di sekeliling mereka.

Informan 2: *rasa apa yang kita tak tau dah tau la...macam isu semasa kita dapat tau la...*

Informan 3: *kepuasan menunggu, sometimes ada pengajaran yang boleh kita ambil separuh*

Informan juga merasakan mendapat satu kepuasan apabila menggunakan media-media ini seperti apa yang dinyatakan oleh salah seorang informan ini mengenai berita yang dibaca di akhbar.

Informan 3: *kepuasan tu bila kita tengok tajuk besar kita seakan-akan tertanya-tanya tajuk...bila kita baca kita puas, kita tau apa yang ada kat tajuk tu tadi, kadang-kadang tajuk dengan isi lain*

Ini menunjukkan yang informan tidak hanya melihat berita yang dipaparkan oleh media atau wartawan di permukaan dasar atau terus mentafsir dengan hanya melihat tajuk yang dibaca. Apa yang dilakukan informan adalah terus membaca berita yang dipaparkan dan dalam masa yang sama mengkonstruksi isi-isi berita tersebut.

Seterusnya, terdapat seorang informan yang memberitahu beliau mendapat kepuasan menonton televisyen bersama ibunya. Ini merupakan salah satu cara

informan meluangkan masa bersama ibunya. Perkara ini merupakan sesuatu yang positif kerana perhatian ibu bapa amat penting agar anak mereka tidak mudah terpengaruh dengan anasir-anasir yang tidak baik dengan apa yang ditonton mahupun didengar dan dibaca.

Informan 10: *dapat hilangkan boring dan luangkan masa bersama mak coz jarang luangkan masa bersama dengan mak*

Jika dilihat dari aspek penggunaan Internet hampir kesemua informan mengatakan yang mereka mendapat kepuasan apabila maklumat yang dicari mereka begitu mudah diperolehi dan ia sangat pantas kerana menurut informan dunia hari ini adalah dunia tanpa sempadan. Mereka mencari maklumat yang lebih terperinci menerusi Internet kerana jika hanya menggunakan bahan bacaan mungkin apa-apa yang dikehendaki tidak mencukupi dan tidak lengkap.

Informan 4: *dapat cari maklumat yang tidak dapat dalam buku*

Informan 1: *contoh kalau kita tak tau sesuatu maklumat lebih lanjut nak tau kan kita boleh tau melalui Internet*

Informan 8: *dapat apa saja maklumat yang kita nak kerana dunia tanpa sempadan*

Informan 2: *macam orang kata Internet kan maklumat di hujung jari jadi bila kita bukak kita dapat je*

Walau bagaimanapun masih terdapat beberapa informan yang mengatakan mereka tidak mendapat kepuasan menggunakan Internet yang mana ia disebabkan oleh beberapa faktor antaranya:

Informan 1: *sebab tak dapat apa yang kita cari*

Informan 2: *server selalu jam...*

Di samping itu, informan juga turut mengatakan yang terdapat sesetengah mesej atau maklumat-maklumat daripada media-media ini iaitu televisyen, radio, akhbar, majalah mempunyai kaitan dengan mata pelajaran yang mereka pelajari di sekolah. Seperti apa yang telah mereka beritahu semasa kajian dijalankan.

Informan 1: *utusan minda yang ada dalam akhbar utusan*

Informan 2: *contohnya kamu dapat meningkatkan perbendaharaan kata*

Informan 6: *contohnya dalam akhbar sisipan tu ada ruangan PMR dan SPM*

Informan 9: *dalam surat khabar ada tunjuk apa yang jadi pada bumi, geografi la kebanyakannya dan pengetahuan am*

Informan 10: *membantu membuat karangan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris*

Informan melihat mesej dan maklumat yang disampaikan oleh media dapat membantu mereka sedikit sebanyak di dalam subjek yang dipelajari terutamanya di dalam mata pelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang mana hampir kesemua informan menonton televisyen, mendengar radio, membaca akhbar dan

majalah di dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Di sekolah-sekolah juga kedua-dua bahasa ini merupakan medium yang sering digunakan. Mesej-mesej dan maklumat media ini banyak membantu informan sekiranya mereka tahu bagaimana menggunakan media dengan sebaik-baiknya.

Daripada 40 orang informan hanya lima belas orang informan yang masih diawasi oleh ibu bapa mereka dalam penggunaan Internet. Apa-apa sahaja laman web yang dicapai mereka akan diketahui oleh ibu bapa mereka. Informan yang selebihnya ada yang tidak menggunakan Internet dan hampir separuh daripada informan kajian tidak dikawal atau diawasi oleh ibu bapa mereka semasa menggunakan Internet.

## RUMUSAN

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan dapat dirumuskan di sini bahawa tahap literasi media dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah-sekolah menengah di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor ini agak rendah. Terdapat perbezaan pada tahap literasi media dalam kalangan pelajar yang tinggal di bandar dan di luar bandar di negeri Selangor. Namun perbezaan ini tetap berlaku di sekolah-sekolah Kuala Lumpur walaupun kedua-dua sekolah terletak di tengah bandar. Pelajar-pelajar yang dipilih untuk menjadi informan kajian bagi kumpulan fokus ini terdiri daripada pelajar aliran sains dan aliran sastera yang mana juga menunjukkan perbezaan yang agak ketara dari segi penggunaan dan tahap literasi media.

Bagi pelajar di Selangor pula perbezaan ini mungkin disebabkan oleh pelajar yang berada di bandar kemudahan mereka adalah lebih baik. Persekitaran, taraf hidup dan kehidupan sosial mereka juga adalah berbeza dengan pelajar-pelajar yang tinggal di luar bandar. Oleh yang demikian pelajar di bandar mempunyai tahap literasi media yang lebih baik berbanding pelajar-pelajar di luar bandar. Namun terdapat seorang dua pelajar di luar bandar yang tahap literasi media mereka agak baik. Ini mungkin disebabkan oleh faktor latar belakang keluarga dan pendedahan media yang diperoleh oleh mereka lebih baik berbanding pelajar-pelajar lain.

Walau bagaimanapun secara keseluruhan dapat dilihat bahawa pelajar-pelajar sekolah ini bukanlah tidak celik media cuma mereka masih berada di tahap yang rendah dan perlukan lebih banyak pendedahan dan tunjuk ajar dan bimbingan yang sewajarnya. Ini adalah disebabkan literasi media bukanlah kategori seperti kotak di mana sama ada kita berada di dalam kategori tersebut atau pun tidak. Ia boleh dianggap sesuatu perkara yang berterusan (*continuum*) seperti termometer yang mempunyai suhu. Kesemua kita menduduki posisi ke atas kontinum literasi media. Tidak ada sebab untuk kita mengatakan bahawa seseorang itu tidak literasi atau celik, dan tidak ada sebab untuk kita mengatakan bahawa seseorang itu sangat literasi kerana sentiasa ada ruang untuk seseorang itu melakukan pembaikan ke atas dirinya.

Seseorang boleh diletakkan di mana-mana titik pada kontinum ini berdasarkan kepada penguasaan pelbagai perspektif dalam model literasi media. Kekuatan perspektif seseorang itu berdasarkan kepada jumlah dan kualiti struktur pengetahuan. Struktur kualiti pengetahuan pula adalah berdasarkan kepada tahap kemahiran dan pengalaman seseorang. Mereka yang mempunyai tahap

literasi media yang rendah dikatakan lemah dan mempunyai perspektif yang terhad terhadap media. Mereka lebih percaya perkara yang palsu dan struktur pengetahuannya kurang teratur di mana tersedia perspektif yang tidak cukup untuk digunakan dalam menafsir maksud mesej media.

Justeru itu, langkah-langkah untuk meningkatkan tahap literasi media dalam kalangan pelajar harus dilakukan dengan sesegera yang mungkin dan seharusnya diberi perhatian yang sewajarnya. Tahap literasi media yang rendah dalam kalangan pelajar adalah salah satu faktor yang menghalang matlamat ke arah pembentukan masyarakat yang celik atau literasi media. Dalam hal ini bukan hanya badan kerajaan, institusi-institusi dan pihak sekolah sahaja yang harus bertanggungjawab malah harus dimulakan dari rumah oleh ibu bapa mereka sendiri untuk mendidik anak-anak mereka menggunakan media dengan cara yang betul dan seterusnya menjadi seorang yang literasi media. Ibu bapa juga perlu diberikan pendidikan dengan menghadiri bengkel, seminar dan perbincangan mengenai literasi media oleh badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan, institusi-institusi, mahupun pihak sekolah. Mungkin ini juga boleh dihadiri bersama anak-anak bagi memantapkan pengetahuan dan kemahiran ibu bapa dalam mendidik anak-anak agar menjadi seorang yang literasi media. Kempen-kempen mengenai betapa pentingnya mendidik orang ramai mengenai literasi media boleh dilakukan oleh pihak kerajaan agar masyarakat sentiasa mempunyai kesedaran yang tinggi dan sentiasa berusaha menuju ke arah untuk menjadi seorang yang literasi media di dalam arus globalisasi serta limpahan maklumat pada hari ini.

Pengamal-pengamal media juga tidak seharusnya lepas tangan begitu sahaja, tetapi turut bekerjasama dalam memenuhi tanggungjawab sosial mereka kepada masyarakat. Sekiranya para pelajar mempunyai tahap literasi media yang tinggi dalam limpahan maklumat media pada hari ini, maka bukan sahaja dapat membantu ke arah pembentukan masyarakat yang mempunyai pemikiran kelas pertama dan daya saing yang tinggi malah menjanakan minda yang positif demi kemajuan individu dan negara.

## RUJUKAN

- Astrid, S. S. 1987. *Komunikasi Teori dan Praktis 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Babbie, E. R. 2001. *The Practice of Social Research*. Ed. Ke-9. Belmont CA: Wadsworth.
- Bagdikian, B. 1997. *The Media Monopoly*. Boston: Beacon Press.
- Baran, J. S. 2002. *Introduction to Mass Communication: Media Literacy and Culture*. Ed. Ke-2. New York: Mc Graw Hill.
- Baran, J. S. 2004. *Introduction To Mass Communication: Media Literacy and Culture*. Ed. Ke-3. New York: Mc Graw Hill.
- Baron, M. (tanpa tarikh). Why teach media literacy: To help prepare students for life in society (atas talian). <http://www.mediaawareness.ca/english/teachers/medialiteracy> (27 Februari 2007).
- Bernard, B. & Philips Davison W. 1994. Dlm. *Isu-isu Komunikasi Massa*. Dennis, E. E., Ismach, H. Arnold dan Gillmor, M. Donald. Terj. Md. Salleh Kassim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Biagi, S. 1996. *Media Reader: Perspective on Mass Media Industries, Effects, & Issues*. Ed. ke-3. California: Wadsworth Publishing Company.
- Biagi, S. 2003. *Media Impact: An Introduction to Mass Media*. Ed. Ke-6. United States: Wadsworth/ Thomson Learning.
- Bogdan, R. C. & S. K. Biklen. 1982. *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods*. Boston: Allyn and Bacon.
- Borg, W. R. & M.D. Gall. 1989. *Educational Research: An Introduction*. Ed. ke-5. New York: Longman.
- Brajesh, B. 1996. Education and computer literacy. *The Journal of Development Communication*, No. 2, 7: 43–55.
- Breg, B.L. 1989. *Qualitative Research Methods for Social Research*. Boston: Ally & Bacon
- Bretl, D.J. & J. Cantor. 1992. The portrayals of men and women in U.S. television commercials: a recent content analysis and trend over 15 years. *Sex Roles*. 18 (9/10) : 595 – 609
- Brereton, P. 2001. *The Continuum Guide to Media Education*. London: Continuum
- Briggs, A. 1998. *The Media: An Introduction*. (pnyt.) Paul Cobley. Harlow: Addison Wesley.
- Christ, W. G., & W.J. Potter. 1998. Media literacy, media education, and the academy. *Journal of Communication*, 48: 5–15.
- Considine, D. M. 1990. Media literacy: Can we get there from here? *Journal of Educational Technology* 30 (12): 27-32. . (atas talian) <http://www.utpjournals.com/simile/issue13/yatesX6.html> (23 Mac 2007)
- Dayan, D. 1992. *Media Events*. Cambridge : Harvard University Press.
- Dennis, E. Everette, H. Arnold Ismach, & M. Donald, Gillmor. 1994. *Isu-isu Komunikasi Massa*. Terj. Md. Salleh Kassim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Duncan, B. 1989. Media literacy at the crossroads: Some issues, probes and questions. *Journal of The History and Social Science Teacher* 24(4): 205-209 . (atas talian) <http://www.utpjournals.com/simile/issue13/yatesX6.html> (23 Mac 2007).
- Fiske, J. 1992. *Television Culture*. London Routledge.
- Fiske, J. & J. Hartley. 1978. *Reading Television*. London and New York: Methuen
- Folkerts, J. & S. Lacy. 2004. *The Media in Your Life: An Introduction to Mass Communication*. Ed. Ke-3. Boston: Allyn and Bacon.
- Gabner, G. 1995. Towards cultural indicators: the analysis of mass mediated public message system. Dalam Boyd-Barrett, O. dan Newbold, C. *Approaches to Media: A Reader*. London: Arnold.
- Galician, Mary-Lou. (2004). Introduction: High time for ‘Dis-Illusioning’ ourselves and our media: Media literacy in the 21<sup>st</sup> Century, Part I: Strategies for schools (K-12 and Higher Education). *American Behavioral Scientists*. 48: 7–17.
- Gall, M. D. 1996. *Educational Research: An introduction*. New York: Longman.
- Graham, P. B. 1980. *Magazine Article Writing Substance and Style*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Gunter, B. 1995. *Television and Gender Representation*. London: Libey
- Hornby, A. S. 2000. *Oxford Advanced learner’s Dictionary of Current English* Ed. Ke-6 (pnyt.) Sally Wehmeier. Oxford: University Press.

- Hobbs, R. 1998. The seven great debates in the media literacy movement. *Journal of Communication*, 48 (1): 16-31.
- Hiebert, R. E., F. D. Ungurait, & W. T. Bohn. 1982. *Mass Media III: An Introduction to Modern Communication*. New York & London: Longman
- James, A. B. 1998. Media literacy perspective. *Journal of Communication*, 48 (1): 44-57.
- Keyton, J. 2006. *Communication Research: Asking Question, Finding Answers*. Ed. Ke-2. New York: McGraw Hill.
- Khairul Nizam Zainal Badri. 2006. *Menggali Ilmu di Internet Menggunakan Enjin Carian*. Selangor: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd.
- Kohl, J.E & M.S. Harman. 1987. *Attitudes of Secondary School Students Toward Computers, Access and Usage: Do Gender And Socio-Economy Status Make Difference?* Department Sociology California State.
- Kottak, C. P. 1990. *Prime Time Society: An Anthropological Analysis of Television and Culture*. California: Wadsworth Publishing Company.
- Krueger, R. A. 1998. Focus groups. Dlm. *The Practice of Social Research*, edisi ke-9, ed. Babie, E. R. Belmont CA: Wadsworth.
- Lasswell, H. D. 1948. *The Structure and Function of Communication in Society*. New York: Harper.
- Lewis, J. & S. Jhally. 1998. The struggle over media literacy. *Journal of Communication*, 48 (1): 109-120.
- Lim Sea Kiaw. 1995. *Kajian Status Pelaksanaan Literasi Komputer di Negeri Sarawak*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Littlejohn, W. S. 1999. *Theories of Human Communication*. Ed. Ke-6. New Mexico: Albuquerque
- Livingstone, S. 2004. What is media literacy? *Intermedia* 32: 18-20
- Livingstone, S & P. Lunt. 1994. *Talk on Television: Audience and Public Debate*. London: Routledge.
- Maizatul Haizan Mahbob. 2004. Analisis fungsional ke atas media. *Jurnal Komunikasi* 20: 117-132
- Mansor Ahmad Saman. 1983. *Satu Kumpulan Esei: Media di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Masterman, L. 1985. *Teaching the Media*. London: Routledge.
- Maeseneer, De Paul. 1986. *Inilah Berita: Manual Berita Radio*. Terj. Mohd Safar Hasim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Merrigan, G. & L. C. Huston. 2004. *Communication Research Methods*. Melbourne: Wadsworth
- Bloor, M., J. Frankland, M. Thomas, & K. Robson. 2001. *Focus Group in Social Research*. London: Sage publication.
- Mihailidis, P. 2006. Media literacy in journalism/ Mass communication education: Can the United States Learn from Sweeden? *Journalism and Mass Communication Educator* 60: 416-428.
- Morgan, D.L. 1998. *Focus Groups and Qualitative Research*. Newburey Park, CA: Sage Publications.
- Mogel, L. 1979. *The Magazine: Everything You Need to Know to Make it in the Magazine Business*. London: Prentice Hall.

- Muhammed Shahriar Haque. 2004. Media discourse: News as a form of entertainment/ popular culture. *Jurnal Komunikasi* 20: 149-169.
- Noresah Baharom. 1994. *Kamus Dewan*. Ed. Ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Normala Ismail, Zaliha Hj. Hussin & Mohamad Kamil Ariff Khalid. 2005. Tahap literasi komputer pelajar sekolah menengah di Kedah. *Jurnal Pendidikan* 31: 129-139.
- Noor Bathi Badarudin. 2002. *Dunia Media Moden: Panduan Memilih Kerjaya Dalam Bidang Media Pada Peringkat Kolej dan Universiti*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Penyelidikan dan analisis data (MH 3024). Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Potter, W.J. 2004. *Theory of Media Literacy: A Cognitive Approach*. Thousand Oaks: Sage Publications Inc.
- Potter, W. J. 1998. *Media Literacy*. Ed. Ke-2. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Potter, W. J. 2005. *Media Literacy*. Ed. Ke-3. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Punch, F. K. 1998. *Introduction to Social Research: Quantitative & qualitative approaches*. London: Sage Publication.
- Rahmah Hashim. 1996. *Media dan Keluarga*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Real, M. 1996. *Exploring Media Culture*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Rubin, A. M. 1998. Media literacy. *Journal of Communication*, 48: 3-4.
- Said. E. 1981. *Covering Islam*. New York. Random House.
- Samsudin A. Rahim. 1998. *Pembangunan, Ketembusan Media dan Identiti Budaya remaja*. Bangi: Kumpulan Penyelidikan IRPA, FSSk, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Silverman, D. 1997. *Qualitative Research: Theory, Method and Practice*. London: Sage Publication.
- Siti Hawa Abdullah & Santhiram Raman. 2002/2001. Quantitative and qualitative research methods: Some strengths and weaknesses. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan* 17: 120- 134.
- Stokes, J. 2003. *How to do Media & Cultural Studies*. London: Sage Publication.
- Sulaiman Masri. 1997. *Media dan Komunikasi dalam Bahasa Melayu*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Syed Arabi Idid. 1992. *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tanenbaum, A.S. 1996. *Computer Network*. NJ Apprentice Hall Inc.
- Thompson, J. 1995. *The Media and Modernity: A Social Theory of the Media*. Stanford: University Press.
- Tyner, K. (tanpa tarikh). Why teach media literacy? The storytellers of our Generation (atas talian). <http://www.mediaawareness.ca/english/teachers/medialiteracy> (27 Februari 2007).
- Unesco. (tanpa tarikh). Literacy (atas talian) <http://www.unesco.org/education> (20 Januari 2007)
- Unesco. (tanpa tarikh) Mass media (atas talian) <http://www.unesco.org/education> (20 Januari 2007)

Utusan Malaysia online – pendidikan. 1998. 11 November.

Utusan Malaysia online – pendidikan . 2001. 11 Ogos.

Voelker, H. F. & A. L. Voelker 1997. *Mass Media: Forces in Our Society*. Ed. Ke-3. New York: Harcourt Brace Jovanovich, Inc.

Wimmer, R. D. & Dominick, J. R. 1994. *Mass Media Research: An Introduction*. Ed. Ke-4. Boston: Allyn & Bacon.

Wimmer, R. D. & Dominick, J. R. 2003. *Mass Media Research: An Introduction*. Ed. Ke-7. Melbourne: Wadsworth.

Yates, L. B. 2004. Media literacy and the policymaking process: A framework for understanding influences on potential educational policy outputs. *Journal of Studies in Media & Information Literacy Education* 4(1): 1-6. (atas talian) <http://www.utpjournals.com/simile/issue13/yatesX6.html> (23 Mac 2007).